

BAHAGIAN III

PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI

Perkara Utama

- Apa yang diaudit?**
- Pengauditan pematuhan jabatan/agensi negeri dilaksanakan terhadap sesuatu bidang utama audit (key audit area)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *risk profiling* yang dilakukan terhadap setiap jabatan/agensi negeri. Pengauditan pematuhan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kerugian wang awam.
 - Pada tahun 2021, pengauditan pematuhan jabatan negeri dilaksanakan terhadap enam jabatan/agensi negeri, iaitu;
 - Perbelanjaan Covid-19 Akaun Amanah Bencana Negeri Pahang di Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang;
 - Perbelanjaan Penyelenggaraan Rutin Jalan Raya Negeri di Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang;
 - Pembayaran Elaun Guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) di Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP);
 - Hasil Premium Tanah di Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Maran;
 - Bayaran Balik Pinjaman Pendidikan di Yayasan Pahang (YP); dan
 - Hasil Sewa Tertunggak Dihapus Kira di Majlis Daerah Jerantut;
 - Hasil daripada pengauditan pematuhan tersebut hanya tiga yang dilaporkan kerana mempunyai elemen 3P1K iaitu Hasil Premium Tanah di PDT Maran; Pembayaran Elaun Guru KAFA di JAIP; dan Bayaran Balik Pinjaman Pendidikan di Yayasan Pahang.
- Mengapa ia penting untuk diaudit?**
- Pengauditan pematuhan jabatan/agensi negeri dilaksanakan untuk menentukan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan serta berkuat kuasa bagi mengelakkan berlakunya pembaziran, pemborosan, penyelewengan dan ketirisan.

**Apa yang
ditemui
Audit?**

• **Hasil Premium Tanah di Pejabat Daerah dan Tanah Maran**

- tiga atau 8.1% permohonan individu terkurang dikenakan amaun premium penalti berjumlah RM12,840 berbanding dengan premium penalti yang sepatutnya dikenakan;
- satu atau 1.4% daripada 70 sampel fail permohonan tukar syarat nyata tanah yang diluluskan pada tahun 2021 tidak dikenakan penalti langgar syarat nyata tanah berjumlah RM252 kepada pemohon walaupun terdapat pelanggaran syarat nyata tanah seperti Akuan Permohonan Tukar Syarat Tanah;
- dua atau 2.5% daripada 80 sampel fail permohonan tukar syarat nyata tanah yang diluluskan pada tahun 2020 tidak dikenakan penalti langgar syarat nyata tanah berjumlah RM1,080 walaupun terdapat pelanggaran syarat nyata tanah; dan
- tiga atau 10% daripada 30 sampel permohonan tukar syarat nyata tanah yang diluluskan pada tahun 2021 tidak dikenakan penalti langgar syarat nyata tanah yang dianggarkan berjumlah RM3,144 walaupun terdapat pelanggaran syarat nyata tanah berdasarkan semakan fizikal Audit.

• **Pembayaran Elaun Guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain di Jabatan Agama Islam Pahang**

- seramai 61 daripada 172 sampel guru KAFA yang bercuti tanpa elaun telah dibayar elaun dan caruman majikan berjumlah RM111,939 semasa mengambil cuti tersebut. Guru ganti juga telah dibayar elaun sepanjang mengambil alih tugas yang bercuti tanpa elaun;
- enam daripada 61 guru KAFA tersebut telah selesai membuat bayaran balik berjumlah RM7,508, tujuh guru telah membuat bayaran balik berjumlah RM10,945 dan masih mempunyai tunggakan berjumlah RM6,618. Baki lagi 48 guru tidak pernah membuat bayaran balik berjumlah RM86,868;
- seramai 37 daripada 178 sampel peletakan jawatan/penamatan/persaraan guru KAFA telah dibayar elaun berjumlah RM130,200 selepas tarikh peletakan jawatan/penamatan/persaraan guru KAFA bagi tempoh antara satu hingga 35 bulan. Dua daripada 37 guru KAFA tersebut telah membuat bayaran balik berjumlah RM2,034; dan
- sejumlah RM16,926 caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) majikan dan RM683 caruman SOCSO majikan telah dibayar bagi 37 guru KAFA berkenaan. Ini menyebabkan keseluruhan elaun dan

caruman KWSP majikan yang terlebih bayar kepada guru KAFA yang meletakkan jawatan/tamat perkhidmatan/bersara adalah berjumlah RM147,809 terlebih bayar.

- **Bayaran Balik Pinjaman Pendidikan di Yayasan Pahang**

- seramai 40 atau 40.4% peminjam tidak pernah membuat bayaran balik melebihi 15 tahun selepas tamat tempoh bayaran balik pinjaman yang berjumlah RM132,845 dan penalti tidak dikenakan berjumlah RM84,461; dan
- seramai 55 atau 55.6% peminjam yang mempunyai tunggakan melebihi 15 tahun selepas tamat tempoh bayaran balik pinjaman berjumlah RM355,416 dan tidak dikenakan penalti berjumlah RM130,785.

**Apa yang
disyorkan
Audit?**

- **Hasil Premium Tanah di Pejabat Daerah dan Tanah Maran**

PDT Maran perlu mengambil tindakan seperti berikut:

- memastikan Akta Kanun Tanah Negara (KTN), Kaedah Tanah Pahang, pekeliling, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa sentiasa dipatuhi;
- menambah baik proses kerja bagi kelulusan permohonan tukar syarat nyata tanah dengan menjalankan pemeriksaan fizikal tanah secara sampel sebelum kelulusan diberikan; dan
- memastikan premium tanah serta penalti premium tanah dan penalti langgar syarat nyata tanah yang dikenakan kepada pemohon adalah mengikut keadaan sebenar di atas tanah pemohon, kadar dan pengiraan yang telah ditetapkan dalam Kaedah Tanah Pahang.

- **Pembayaran Elaun Guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain di Jabatan Agama Islam Pahang**

JAIP perlu mengambil tindakan seperti berikut:

- mengambil tindakan untuk mengutip balik elaun terlebih bayar termasuk mempertimbangkan untuk mengambil tindakan perundangan terhadap guru KAFA terlibat sekiranya gagal membuat bayaran balik;
- pegawai yang bertanggungjawab terhadap kecuai dalam pembayaran elaun terlebih bayar hendaklah dikenal pasti dan diambil tindakan berdasarkan peraturan yang berkuat kuasa; dan

- meningkatkan penyeliaan dan pemantauan terhadap pengurusan bayaran elaun guru KAFA dan kaedah kutipan bayaran balik elaun terlebih bayar selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

- **Bayaran Balik Pinjaman Pendidikan di Yayasan Pahang**

YP perlu mengambil tindakan seperti berikut:

- mengambil tindakan tegas termasuk tindakan perundangan terhadap peminjam yang ingkar membayar balik pinjaman dengan mengikut proses yang telah ditetapkan; dan
- meningkatkan penyeliaan dan pemantauan secara berterusan dan lebih terperinci terhadap bayaran balik selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI

Pengenalan

1. Mulai tahun 2019, pengauditan pematuhan terhadap kementerian/jabatan/agensi Persekutuan dan Negeri diperkenalkan sebagai pendekatan baharu yang merangkumi penyata kewangan dan pengurusan kewangan selaras dengan The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 4000 dan 4100. Pengauditan ini memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit (key audit area)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan Profil Risiko (Risk Profiling) yang dilaksanakan terhadap setiap jabatan dan agensi Negeri. Pengauditan pematuhan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, pembayaran tidak teratur dan kerugian wang awam.

2. Pada tahun 2021, pengauditan pematuhan jabatan/agensi dilaksanakan terhadap enam jabatan/agensi negeri iaitu di Pejabat Kewangan dan Perbendaharaan Negeri Pahang, Jabatan Kerja Raya Negeri Pahang, Jabatan Agama Islam Pahang (JAIP), Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) Maran, Yayasan Pahang (Yayasan) dan Majlis Daerah Jerantut;

3. Hasil daripada pengauditan pematuhan tersebut, hanya tiga yang dilaporkan kerana mempunyai elemen 3P1K seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
TAJUK PENGAUDITAN PEMATUHAN

BIL.	TAJUK PEMATUHAN	JABATAN/AGENSI NEGERI
1.	Hasil Premium Tanah	Pejabat Daerah dan Tanah Maran
2.	Pembayaran Elaun Guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain	Jabatan Agama Islam Pahang
3.	Bayaran Balik Pinjaman Pendidikan	Yayasan Pahang

Sumber: Jabatan Audit Negara

4. Pengauditan pematuhan jabatan/agensi negeri dilaksana untuk menentukan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan dan berkuat kuasa serta rekod berkaitan telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

